

ISLAM DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN

Profesor Madya Dr. Haji Nasseri bin Taib
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
UTM, Sekudai

PENDAHULUAN

Kemiskinan

Ada berbagai pandangan sama ada kemiskinan itu baik atau tidak baik. Di dalam Islam, keadaan ini timbul kerana adanya hadith yang menjelaskan tentang kemiskinan yang boleh ditafsirkan kepada dua kedudukan yang bertentangan. Ini telah membawa banyak kekeliruan terutama kepada orang-orang awam. Usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan juga akan mengalami kesukaran hasil dari kekaboran ini. Hanya setelah kita jelas bahawa kemiskinan itu adalah sesuatu yang negatif di dalam hidup, maka bolehlah kita memperkatakan soal-soal tentang tindakan membasmi kemiskinan itu. Kertaskerja ini cuba menerangkan kedudukan kemiskinan di dalam pandangan Islam secara ringkas dan seterusnya cuba melihat bagaimana tindakan-tindakan mengurangkan kadar kemiskinan di dalam Islam.

KONSEP KEMISKINAN DI DALAM ISLAM

Miskin dan Kemiskinan Di dalam Al-Qur'an dan Al-Sunnah

Di dalam Islam, perkataan fakir/miskin menunjukkan kepada orang yang tidak mempunyai harta benda atau wang ringgit. Di dalam Al-Qur'an perkataan fakir kadang-kadang merujuk kepada orang-orang yang mlarat dan susah kehidupannya dari segi material misalnya di dalam 2:268, 3:81, 4:6, 22:27, 24:32, 9:60, 59:8, 2:27 dan 2:273. Kadang-kadang ia bermakna bergantung sepenuhnya kepada Allah, bukan sahaja dari segi material tetapi dari semua aspek kehidupan (lihat misalannya dalam 35:15, 28:24) kadang-kadang ini bermakna satu keadaan malapetaka (lihat misalannya, 75:25).

Perkataan fakir yang bermakna kehidupan yang susah kadang-kadang disertakan dengan perkataan miskin yang menunjukkan dua keadaan orang yang berbeza. Tetapi kedua-dua fakir dan miskin telah disebut di dalam ayat 9.60 sebagai penerima zakat.

Pandangan Al-Qur'an tentang kemiskinan adalah jelas. Al Qur'an adalah neutral tentang kedudukan kaya dan miskin. Menurut Al-Quran, kedua-duanya tidak akan menambah kemuliaan manusia. Tuhan telah menjelaskan bahawa manusia telah dicipta di dalam kedudukan yang berbeza, setengah miskin dan setengahnya kaya (43:32). Perbezaan ini dibuat untuk menguji manusia tentang ketaqwaan masing-masing (6:165). Al-Qur'an jug menyatakan bahawa Allah adalah penyebab kepada kekayaan dan kefakiran seseorang (30:37). Dari itu

Allah menggesa mereka yang kaya supaya bermurah hati menolong mereka yang tidak berada terutama di kalangan ahli-ahli keluarga yan dekat dan yang jauh.

Dari itu orang kaya dicela bukan kerana kekayaannya tetapi kerana kegalalannya menggunakan hartanya pada jalan yang disuruh Allah, di antaranya membantu fakir miskin.

Membantu orang miskin bukanlah sahaja satu tindakan dermawan tetapi juga adalah satu tindakan kedilan dalam ertikata memberi hak kepada yang ampunya hak (51:19)

(Di dalam sunnah, isu kemiskinan agak lebih kabur penggambarannya. Misalnya di dalam sesetengah hadith, kemiskinan dipuji sedangkan di dalam hadith yang lain, ia dianggap buruk dan dikeji. Dari sirah Rasulullah saw baik di Makkah atau di Madinah, baginda memang berusaha bersungguh-sungguh untuk membasmi kemiskinan di kalangan kaum muslimin. Tetapi praktis zuhud dan idea kemiskinan sukarela mula menyusup di kalangan umat Islam. Banyak hadith-hadith, yang sebahagiannya sahih dan sebahagiannya diragui telah menimbulkan amalan-amalan di atas. Di antara hadith-hadith yang selalu disebut, terutamanya oleh golongan sufi ialah "kemiskinan adalah kemegahanku" dan di dalam hadith lain disebut báhawaa Rasulullah pernah memohon untuk hidup, mati dan dibangkitkan dengan orang-orang miskin.

Dalam hadith lain Rasulullah saw pernah bersabda bahawa majoriti penduduk syurga adalah dari golongan miskin dan orang miskin masuk ke syurga 40 tahun (dan setengahnya meriwayatkan 500 tahun) sebelum yang lain.

Dari itu adalah sukar untuk membuat pertimbangan yang tepat mengenai kedudukan Rasulullah saw mengenai kemiskinan. Tetapi sekurang-kurangnya dua penjelasan dapat dibuat mengenainya:-

1. Telah dijelaskan bahawa setengah daripada hadith itu tidak sahih. Jadi isinya tidak dapat dipertanggungjawabkan. Bagi hadith yang sahih seperti Rasulullah saw memohon supaya diberikan kehidupan sebagai orang miskin, Ibn Taymiyyah berkata perkataan miskin di sini bukan bererti tiada berharta, tetapi di dalam konteks ini ia bermakna mereka yang merendah diri dan menyerah diri kepada Allah. Mereka yang tidak mencari kemegahan di dunia, samada ia kaya atau miskin.

Dalam komennya terhadap hadith yang mengatakan orang miskin masuk ke syurga 40 atau 500 tahun lebih dahulu daripada orang kaya, Ibn Taymiyyah berkata:

"Ini adalah anugerah Tuhan yang diberikan kepada hambanya yang dikehendakinya. Orang miskin masuk syurga lebih awal kerana kurang hisabnya sementara orang kaya banyak hisabnya. Tetapi setelah diadili, amal-amal baik dari orang kaya adalah lebih daripada yang miskin dan kedudukan di syurga akan lebih tinggi."

2. Daripada sirah Rasulullah, kita dapati bahawa kebanyakan orang-orang Islam di Makkah mahupun di Madinah adalah terdiri dari orang-orang miskin. Ini bukan bererti mereka tidak bekerja keras, tetapi kedudukan ekonomi di Makkah mahupun di Madinah tidak dapat menampung mereka. Di samping itu keadaan politik yang belum stabil juga memerlukan mereka berjuang di medan jihad (2:273) untuk perkembangan Islam dan menolak ancaman-ancaman musuh daripada orang-orang munafik dan Yahudi. Di dalam keadaan ini Rasulullah telah memberikan satu menyelesaian "spiritual" mengenai balasan di akhirat bagi orang-orang yang sabar.

Dalam menggulung pendapat al-Qur'an dan al-Sunnah, seorang penulis bukan Islam dari Barat pernah berkata:

"There is little in the Qur'an, however, that lends credence to the idea that Muhammad despised wealth poverty..... He seems rather to have recognized what it was, a social evil, and to have taken the surest steps he could devise to correct it."

Pengertian dan Pandangan Tentang Kemiskinan Di dalam Fiqh

Ulama'-ulama' salaf terutamanya imam yang empat, Hanafi, Maliki, Al-Shafie dan Hambali dari konteks syariah memberi pengertian fakir dan miskin, meliputi sudut material dan praktikal. Mereka memperkatakan kedua-dua konsep ini berdasarkan kepada ayat Al-Qur'an 9:60 yang menghubungkannya kepada hukum zakat. Mereka menghuraikan pengertian fakir dan miskin sebagai penerima zakat yang sah. Walaupun mereka tidak sepandapat tentang pengertian tersebut di dalam erti kata siapakah yang lebih rendah kedudukannya samada fakir atau miskin, tetapi mereka sepandapat kedua-duanya adalah "Mustahaqqun" zakat. Mereka tidak langsung menghubungkannya kepada konsep kemiskinan sukarela seperti yang terdapat di langan ahli-ahli Sufi.

Dengan tujuan membuat penentuan kedudukan fakir dan miskin sebagai penerima zakat, telah timbul satu masalah menentukan garis-garis kefakiran dan kemiskinan di dalam Islam. Para ulama' salaf telah tidak sepandapat di dalam hal ini. Al-Qaradawi telah meringkaskan pendapat mereka kepada 3 kategori.

1. Mereka yang mendasarkan garis kemiskinan atas nisab zakat. Imam Abu Hanifah berpendapat fakir ialah seorang yang memiliki kurang daripada nilai nisab zakat atau mereka yang memiliki nisab atau lebih tetapi barang itu adalah menjadi keperluannya. Orang kaya menurut pendapat Imam Abu Hanifah ialah mereka yang ditegah daripada menerima zakat.
2. Mereka yang mendasarkan garis kemiskinan atas keperluan yang mencukupi "Milk al-Kifayah". Ini adalah kriteria yang diberikan oleh Imam Malik, Al-Shafi'e dan Ahmad Ibn Hanbal. Seseorang dianggap miskin kalau keperluannya tidak dapat dipenuhi, walaupun mereka mempunyai harta atau pendapatan lebih

daripada nisab. Oleh kerana keperluan yang mencukupi ada berbagai-bagai, sesetengah ulama' berpendapat maksud keperluan yang mencukupi ialah untuk sehari semalam.

Imam Malik dan Ahmad Ibn Hanbal berpendapat keperluan yang mencukupi mesti cukup untuk keperluan setahun. Al-Shafi'e berkata seorang miskin perlu diberi zakat cukup untuk memenuhi keperluan seumur hidupnya iaitu 62 tahun.

3. Garis kemiskinan berdasarkan kepada sejumlah wang tertentu. Ini adalah pendapat Sufian Al-Thauri, Ibn Mubarak dan Ishak ibn Rahuyah. Mereka berpendapat seseorang dikatakan kaya kalau ia memiliki 50 dirham nilainya di dalam bentuk emas. Pendapat ini ditolak oleh majoriti ulama'.

Cara membasi kemiskinan di dalam Islam

Setelah kita mengetahui pandangan Islam yang sebenar terhadap kemiskinan. Maka kita cuba melihat apakah cara-cara Islam menangani masalah kemiskinan. Apa yang akan diutarakan oleh Islam nanti bukanlah perkara-perkara yang asing, tetapi ia memang telah menjadi kaedah dan cara hidup di dalam Islam yang harus dipatuhi oleh penganutnya. Cuma sebagaimana peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah lain juga, kaedah ini mungkin tidak diamalkan sepenuhnya oleh umat Islam dan akibatnya kesan daripada kaedah itu tidak akan dapat dilihat.

~~Garis kaya dan miskin telah ditentukan oleh ulama' yang berpandukan kepada al-Qur'an dan Al-Hadith berserta dengan kriteria-kriteria yang agak terperinci. Mungkin kriteria ini setengahnya berbeza dari pandangan ahli-ahli ekonomi tetapi pada dasarnya ciri-ciri utama golongan miskin itu adalah sama.~~

Di dalam Islam, syari'ah merupakan undang-undang dan peraturan yang harus dipatuhi oleh setiap muslim. Undang-undang ini ada yang terperinci dan ada yang menyentuh soal-soal prinsip sahaja. Mengenai soal pembasmian kemiskinan, terdapat beberapa peraturan dan prinsip yang agak "comprehensive" yang boleh dijadikan panduan. Peraturan dan prinsip ini merupakan perintah surah (samada wajib atau sunat) atau perintah tegah (samada haram atau makruh) yang mesti dipatuhi secara total untuk ianya mendatangkan kesan. Sesuai dengan kesyumulan Islam, pelaksanaan syari'ah ini mestilah dibuat secara syumul pula.

~~Jadi apa yang dikatakan~~ cara-cara Islam menghapuskan kemiskinan adalah merupakan peraturan syari'ah yang seharusnya menjadi amalan hidup umat Islam setiap masa. Ia bukanlah sebagai rancangan yang dibuat untuk menghadapi masalah kemiskinan sebagaimana yang terdapat dalam rancangan-rancangan pembangunan kita pada hari ini. Kita akan diberi pahala oleh Allah sekiranya kita melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang ditegah, dan di samping itu kesan dan faedahnya akan dapat dinikmati oleh kita sendiri.

Peraturan-peraturan syari'ah yang berhubung dengan pembasmian kemiskinan ini boleh dibahagi kepada dua bahagian. Pertama peraturan-peraturan yang menumpukan kepada usaha-usaha persendirian dan kedua, peraturan yang meminta daya usaha daripada pihak pemerintah.

Usaha-Usaha Perseorangan

Bekerja

Islam meletakkan nilai yang amat tinggi kepada usaha bekerja. Setiap orang dikehendaki bekerja untuk menyara kehidupan masing-masing dan keluarganya. Pekerjaan itu pula mestilah yang dibenarkan oleh Islam. Dorongan untuk bekerja ini memang banyak terdapat di dalam Qur'an (67:15, 9:105). Sehubungan dengan itu, Islam sangat mencela orang yang malas dan suka meminta-minta. Banyak terdapat hadith Nabi saw. yang bermaksud ke arah itu. Bekerja untuk mencari nafqah bagi menyara diri dan keluarga adalah 'ibadah. Dalam satu hadith, Rasulullah bersabda Allah kasih kepada mereka yang bekerja dan berpendapatan. Dalam hadith yang lain Rasulullah bersabda bahaw makanan yang paling baik ialah yang diperolehi dari usaha sendiri. Atau ketika saudina 'Umar telah bertemu dengan seorang pemuda yang tampan yang menganggur. Beliau lantas bekerja, "Pemuda ini tidak layak menerima harta pusaka. Mereka yang bergantung kepada yang lajut untuk nafqahnya adalah seperti lintah yang menghisap darah orang lain." Islam tidak menerima alasan mereka yang tegap tubuh badannya tetapi malas bekerja. Rasulullah telah menjelaskan bahawa sedekah adalah tidak halal bagi mereka yang kaya atau yang kuat.

Seperkara lagi, Islam tidak memandang sesuatu pekerjaan itu lebih mulia dari yang lain asalkan ianya cara yang halal. Mencari rezeki dengan pekerjaan yang halal sangat disanjung oleh Islam walaupun jijik dari pandangan setengah orang. Islam juga menggalakkan kita berhijrah untuk mendapat pekerjaan (4:100). Rasulullah sendiri menggalakkan kita merantau kerana ia akan menjadikan kita lebih cergas dan kaya.

Tetapi di dalam ketegasan Islam mendorong orang bekerja keras untuk menyara diri dan keluarga, memang ada terdapat orang-orang yang tidak bekerja kerana memang tidak ada peluang pekerjaan. Atau terdapat mereka yang bekerja tetapi pendapatannya tidak mencukupi untuk memenuhi keperluannya. Dalam keadaan ini, Islam memberikan dua penyelesaian. Pertama, dalam jangka pendek, negara mestilah memberikan keperluan-keperluan asas dari wang Bait al Mal iaitu seperti dari zakat dan sebagainya. Kedua, dalam jangka panjang, negara mestilah mengusahakan supaya mereka diberi pekerjaan atau modal supaya mereka dapat mencari nafqah sendiri. Kedua-dua cara ini memang ada dilakukan di zaman Rasulullah dahulu. Orang-orang miskin diberikan peruntukan langsung dari zakat dalam bentuk wang, makanan, pakaian, binatang dan lainnya. Bagi orang profesional seperti tukang kayu, tukang jahit, pedagang dan petani yang tidak bekerja kerana sebab-sebab yang syar'i, mereka diberi bantuan untuk membeli alatan dan perkakas dan modal-modal lainnya bagi membolehkan

mereka mencari kehidupannya. Dalam keadaan di mana zakat tidak ada atau tidak mencukupi, khidmat nasihat diberikan kepada orang-orang miskin tersebut untuk merancang kehidupannya. Dalam satu hadith Rasulullah telah menasihati seorang Ansar yang miskin yang meminta zakat walhal ia masih kuat bekerja. Rasulullah telah memberikan tunjuk ajar dengan menyuruh si Ansar tadi menjual sesuatu dari rumahnya untuk dijadikan modal membeli perkakas, dan dengan perkakas itu si ansar telah dapat memulakan penghidupannya.

Untuk memastikan bahawa sesuatu pekerjaan itu dapat memberikan pendapatan yang mencukupi, negara mestilah memastikan bahaw pekerja mestilah diambil bekerja mengikut kemahiran masing-masing. Ini memang sangat ditekankan di dalam Islam. Rasulullah pernah bersabda, "Barang siapa yang melantik seorang dari satu kumpulan, sedangkan dalam kumpulan itu ada terdapat seorang yang lebih layak dan lebih disukai Allah, ia telah mengkhianati Allah, Rasulnya dan keseluruhan umat Islam. Implikasi prinsip ini ialah, dari segi ekonomi, prestasi seorang pekerja akan lebih baik kalau ia diambil bekerja menurut kemahirannya kerana ia akan lebih cekap menjalankan pekerjaannya. Ini juga bererti pengeluaran akan dapat dibuat pada kos yang rendah. Ini akan menambahkan kemakmuran negara.

Perlu diingatkan bahawa Islam tidak mengenakan diskriminasi antara kaum lelaki dan kaum perempuan dari segi pekerjaan (4:124, 16:97). Ini bererti Islam mengiktiraf kaum perempuan sebagai satu identiti yang bebas dari segi mencari dan memilih pekerjaan.

Memandangkan pekerjaan dan bekerja belum boleh menjamin seseorang terlepas dari belenggu kemiskinan. Masalah upah, gaji dan bayaran perlu diambil perhatian. Ramai rakyat di negara-negara dunia ketiga, walaupun mereka bekerja kuat seharian tetapi kehidupannya masih di dalam kemiskinan. Ini berkait rapat dengan penindasan dari kaum-kaum modal yang mengeksplorasi kaum pekerja dengan membayar gaji yang terlalu rendah.

Islam mengajar bahawa upah pekerja mestilah sesuai dengan usaha mereka tanpa ada tipudaya dan ketidakadilan. Prinsip-prinsip keadilan bagi kedua-dua majikan dan pekerja, dan bagi setiap orang telah dijelaskan di dalam Qur'an (2:279, 45:22, 46:19, 11:15). Rasulullah mengutarakan supaya upah pekerja mestilah dibayar sebelum kering peluhnya. Implikasi dari hadith ini ialah, hubungan majikan pekerja akan selalu berada di dalam keadaan yang baik, eksplorasi dapat dilakukan dan penindasan di dalam perindustrian dapat dihapuskan. Hasilnya masyarakat akan makmur.

Perlu juga diingat bahawa Islam mempunyai sistem kawalan dalaman di dalam diri setiap muslim. Prinsip qana'ah yang meminta setiap muslim supaya selalu syukur dengan apa yang diperolehi dan hidup di dalam kesederhanaan membolehkan garis kemiskinan tidak meningkat ke tahap yang tidak munasabah dan keadaan hidup yang membazir.

Dari pernyataan di atas nyatalah bahawa Islam tidak membenarkan orang yang kuat dan sihat tubuh badan bergantung hidup atas belas ihsan orang lain. Berusaha menggunakan tulang empat kerat untuk mencari kehidupan adalah sangat-sangat dituntut di dalam Islam. Islam menggalakkan semangat berdikari

dan melarang meminta-minta dalam apa bentuk pun. Semangat dan cara hidup seumpama ini sudah pasti dapat mengelakkan kita dari kemiskinan.

Nafqah

Di dalam Islam terdapat undang-undang nafqah atau memberi sara hidup kepada orang lain yang ada hubungan keluarga dan persaudaraan. Hubungan keluarga dan persaudaraan di dalam Islam bukanlah merupakan hubungan biologi atau sosial sahaja tetapi ia perlu disertakan dengan hak dan tanggungjawab di dalam bentuk menyediakan nafkah untuk kehidupan. Ini adalah merupakan sistem jaminan sosial tertua di dalam sejarah manusia yang telah menjadi peraturan di dalam undang-undang keluarga Islam. Asas undang-undang nafqah ini ialah al-Qur'an dan Al-Sunnah yang sentiasa menekankan soal memberi layanan yang baik kepad kedua ibu bapa, anak-anak dan saudara muda.

Di dalam kategori pertama seorang suami adalah berkewajipan memberi nafqah kepada isterinya tanpa mengira kedudukan kewangan masing-masing. Kewajipan memberi nafqah ini termasuk ke atas isteri yang bukan Islam (Ahli Kitab) dan sekiranya suami gagal menyempurnakan kewajipan ini kerana kemiskinannya, tanggungjawab ini tidak terlepas dan menjadi hutang ke atasnya.

Di dalam kategori kedua, seorang bapa berkewajipan memberi nafqah ke atas anak-anaknya dengan syarat ibu bapa itu berkemampuan dan anaknya itu masih kecil dan miskin, atau anak yang telah dewasa tetapi tidak berkeupayaan menyara dirinya kerana sakit atau cacat. Imam Abu Hanifah, Al-Shafi'e dan Imam Ahmad memasukkan cucu dan eciit ke dalam kategori ini. Begitu juga seorang yang berkemampuan mempunyai kewajipan menyara kedua ibu bapanya dan datuknya. Ini telah disepakati oleh semua ulama'-ulama' ~~kecuali Imam~~ ^{seperti} Malik yang membatasi nafqah kepada kedua ibu bapa sahaja. Perlu diingat kewajipan ini tidak terbatas kepada kedua ibu bapa yang muslim sahaja. Ibu bapa yang bukan Islam juga masih wajib diberi nafqah. Nafqah di sini bukanlah makan, pakai dan tempat tinggal sahaja, ia juga termasuk menyediakan orang gaji bila diperlukan dan menurut Imam Abu Hanifah, Malik dan Al-Syafi'e, nafqah itu termasuk menyediakan isteri untuk bapa kalau diperlukan dan semua nafqah isteri bapa itu ditanggung oleh anak tersebut.

Dalam kategori ketiga, seorang yang berkemampuan adalah berkewajipan memberi nafqah saudara maranya yang miskin samada keluarga terdekat atau jauh. Di sini ulama'-ulama' berselisih pendapat tentang siapakah keluarga tersebut? Imam Ahmad misalnya berpendapat hanya keluarga yang boleh mempusatkan, samada dengan cara "fardhu" atau "asabah" sahaja yang berhak menerima nafqah. Imam Abu Hanifah pula berpendapat nafqah tersebut diberikan sebagai sebahagian (Juz'iyyah) dan kehampiran (Qurb) kepada keluarga dan bukan melalui mempusatkan. Jadi menurut pendapat ini, kalau seseorang itu mempunyai seorang anak lelaki bukan Islam dan seorang saudara perempuan yang miskin, nafqah akan diberikan kepad anak lelaki terlebih dahulu bukan kepada saudara perempuan, walaupun anak tadi tidak boleh mempusatkan.

Dr. Syed Zakaria Bin Hashim nafqah
di bawah berkatakan dia membantu dia
sep anak, dia bapak dia tidak dia

Apa yang menjadi perbincangan ialah Islam telah meletakkan satu sistem jaminan sosial yang begitu rapi. Memang jarang seseorang itu tidak mempunyai keluarga atau saudara mara langsung. Jikalau perpaduan institusi keluarga dapat dipertahankan, ditambah dengan tingkat kefahaman keagamaan yang tinggi, undang-undang nafqah boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan masalah kemiskinan dapat dikurangkan dengan berkesan. Memperkuatkan institusi keluarga adalah memperkuatkan sistem jaminan sosial di dalam masyarakat tanpa campur tangan kerajaan.

Sedekah

Sumbangan derma dan sedekah juga dapat membantu meredakan tekanan kemiskinan di dalam masyarakat. Sedekah bukan sahaja baik dari segi moral tetapi telah mendapat pengakuan dari syari'ah sebagai suatu yang digalakkan (sunat). Sebelum zakat diwajibkan, sedekah sunat merupakan satu-satunya punca bagi membantu golongan fakir dan miskin di dalam masyarakat dan setelah zakat diwajibkan, sedekah sunat masih juga memainkan peranan penting.

Islam memang menekankan soal soal kemanusiaan dan keadilan. Setiap muslim adalah dikehendaki memiliki kualiti dan sifat-sifat pemurah dan perihatin. Islam memerintah supaya setiap muslim membelanjakan hartanya sebanyak mungkin untuk kepentingan masyarakat terutamanya bagi kumpulan-kumpulan tertentu seperti orang miskin, anak yatim, janda-janda dan mereka yang cacat. Derma dan sedekah merupakan suruhan ugama yang selalu disebut di dalam al-Qur'an sebagai "Infaq al-'afw" atau membelanjakan lebihan. Ia meminta supaya seseorang membelanjakan harta lebihan daripada pendapatannya kerana Allah (2:219).

Islam menekankan bahawa milik mutlak di atas kekayaan adalah hak Allah dan manusia merupakan pemegang amanah sahaja (3:189). Al-Qur'an telah menyebutkan bahawa si miskin mempunyai hak di atas harta kekayaan si kaya (51:19) dari itu kita diperintah memberikan lebihan harta kepada orang-orang miskin kerana Allah.

Di dalam hadith Rasulullah menyatakan bahawa harta kekayaan yang kita belanjakan pada jalan Allah semasa hidup kita adalah kekal menjadi milik kita tetapi harta yang kita tinggalkan selepas mati adalah menjadi milik-milik waris.

Sedekah sukarela atau sedekah sunat memang sangat berkesan dalam usaha membantu mereka yang di dalam kesusahan hidup terutamanya di dalam satu masyarakat kecil. Di sini sistem jaminan sosial telah diambil alih oleh anggota masyarakat di tempat tersebut. Tetapi di dalam satu masyarakat yang besar dan canggih misalnya di bandar-bandar keadaan menjadi sangat berbeza. Sedekah dan derma-derma itu mesti disalurkan melalui badan-badan tertentu yang mengendalikan soal-soal kebijakan masyarakat tadi, misalnya rumah-rumah anak yatim, rumah-rumah kebijakan untuk orang-orang tua dan cacat dan sebagainya.

Satu lagi bentuk sedekah sukarela yang penting di dalam Islam ialah waqaf samada waqaf keluarga atau waqaf am. Waqaf telah banyak menolong

membantu meringankan beban kemiskinan masyarakat. Derma dan sedekah seumpama ini perlu ditadbirkan dengan sempurna supaya faedahnya dapat dinikmati oleh golongan yang benar-benar memerlukan.

Usaha-usaha Pembasmian Kemiskinan Oleh Negara

Di dalam Islam, pemerintah tidak terlepas daripada tanggungjawab atas kebaikan rakyat. Pemerintah mestilah menentukan bahawa setiap warganegara mendapat keperluan asasi yang cukup. Di dalam Islam terdapat beberapa cara di mana negara memainkan peranan membasmi kemiskinan.

1. Zakat

Zakat adalah salah satu rukun Islam yang lima. Ia kedua pentingnya daripada Salat. Zakat bererti memindahkan milik harta tertentu kepada orang tertentu dengan syarat-syarat tertentu. Matlamat utama zakat ialah untuk memenuhi keperluan asasi terutamanya untuk membantu faqir dan miskin di samping lain-lain tujuan kebaikan. Zakat juga disebut dalam Al-Qur'an sebagai hak orang-orang miskin (51:19). Ia bukanlah merupakan cukai atau sedekah sukarela. Ia merupakan tuntutan sah orang miskin terhadap orang kaya yang mesti disempurnakan. Dari itu bila seorang kaya membayar zakat, mereka tidak boleh berbangga kerana pada hakikatnya ia hanya memulangkan hak orang lain yang dipegangnya. Hadith juga ada menyebutkan supaya kita mengambil zakat daripada orang kaya dan memulangkannya kepada orang miskin. Di sini Rasulullah menggunakan perkataan memulangkan untuk memerintah orang Islam membayar zakat. Dari itu zakat ialah satu hak orang miskin ke atas harta orang kaya. Bagaimana zakat memainkan peranan membasmi kemiskinan boleh dilihat daripada dua sudut iaitu pengutipan zakat dan pengagihannya.

Pungutan Zakat

Zakat adalah satu kewajipan terhadap orang Islam yang kaya. Terdapat dua jenis zakat iaitu zakat fitrah yang merupakan kewajipan ke atas setiap orang Islam lelaki perempuan, tua atau muda, siuman atau gila, kecuali yang miskin atau hamba sahya. Ia dibayar setahun sekali pada akhir bulan Ramadhan dalam bentuk wang atau benda (makanan ruji) sebanyak satu gantang Baghdad kepada orang faqir dan miskin.

Zakat juga dikenakan ke atas harta kekayaan termasuk hasil-hasil tanaman (Ushr) emas, perak dan wang ringgit, binatang-binatang ternakan, perniagaan, galian dan harta karun bila telah cukup nisab dan haulnya kecuali pada harta karun, ia dikenakan atas kadar 2.5% bagi binatang, emas, perak, wang dan perniagaan, 5-10% bagi hasil-hasil tanaman dan 20% bagi galian dan harta karun. Zakat ini dipungut oleh 'amil yang dilantik oleh pemerintah yang tugasnya memungut dan mengagihkan zakat kepada yang berhak.)

Dari penjelasan ringkas mengenai zakat, kita lihat zakat meliputi berbagai-bagai jenis harta. Sejarah menunjukkan bahawa liputan harta yang dikenakan zakat berubah mengikut masa. Jenis-jenis harta yang dikenakan zakat di zaman Rasulullah tidak sama dengan di zaman khalifah (ada tambahan). Begitu juga kadar dan nisab telah turut berubah. Perubahan ini disebabkan oleh beberapa perkara di antaranya semasa Islam mula berkembang, banyak negara-negara baru telah masuk menjadi sebahagian daripada dunia Islam. Serentak dengan itu banyak barang-barang keluaran baru telah menjadi punca pendapatan kepada negara. Khalifah Islam terpaksa membuat keputusan di atas harta kekayaan baru yang tidak disebut di dalam hadith Rasulullah. Dengan cara ijmak, banyak benda-benda baru telah dimasukkan ke dalam liputan zakat. Misalnya Saidina Umar Al-Khattab telah mengenakan zakat ke atas kuda-kuda yang diternak, madu lebah dan minyak zaitun. Umar ibn Abdul Aziz mengenakan zakat ke atas ikan bila nilainya sampai kepada nasab iaitu 200 dirham.

Kadar zakat juga mengalami perubahan misalnya Umar ibn Al-Khattab mengenakan 5% zakat ke atas kuda-kuda ternakan. Rasulullah mengenakan zakat 2 1/2% ke atas binatang-binatang ternakan yang tidak termasuk kuda. Umar berkata: Kita mengenakan zakat ke atas 40 kambing tetapi tidak ke atas kuda. Saidina Umar nampaknya dapat melihat keganjilan dalam sistem zakat pada zamannya dan telah membuat keputusan (ijtihad) yang sesuai dengan keadaan di waktu itu.

Perbezaan-perbezaan ini, walaupun kecil, telah menunjukkan bahawa zakat bukanlah satu institusi yang statik. Di samping prinsip-prinsip asas zakat yang tidak boleh diubah, terdapat beberapa prinsip-prinsip yang terbuka untuk diijtihad.

Dalam dunia moden, pemikir-pemikir Islam telah sependedapat bahawa liputan zakat mesti diperluaskan kepada harta-harta kekayaan yang belum terdapat di zaman Rasulullah dan sahabat-sahabat yang terdahulu misalnya saham, surat-surat jaminan, kumpulan wang simpanan pekerja, tabungan, rumah-rumah dan bangunan sewa, mesin-mesin dan lain-lain barang modal. Begitu juga dengan gaji yang diterima samada bulanan atau setengah bulanan atau mingguan. Minyak petrol yang merupakan kekayaan terpenting dewasa ini juga mesti dimasukkan di bawah liputan zakat iaitu di bawah kategori bahan-bahan galian dan harta karun yang dikenakan "Khums" iaitu zakat 20% yang dikutip sertamerta. Zakat dan khums ke atas harta-harta yang disebutkan di atas merupakan sumber hasil yang sangat besar kepada orang Islam dan kalau ia ditadbirkan dengan cekap dan sempurna akan dapat membantu menghapuskan kemiskinan dengan berkesan sekali.

Satu isu yang penting lagi ialah mengenai nisab zakat. Di dalam Sunnah Rasulullah had nisab bagi beberapa kategori telah dinyatakan dengan jelas. Misalnya 200 dirham bagi wang tunai, 5 ekor lembu dan 40 ekor kambing bagi binatang-binatang ternakan, 5 ausuk atau 300 sa' bagi biji-bijian. Had nisab ini tidak ditentukan oleh Rasulullah secara sewenang-wenang. Ia telah dibuat dengan mengambil kira nilai benda-benda tersebut di waktu itu misalnya

satu dinar bersamaan nilainya dengan 10 dirham jadi 20 rial/mithqal (nisab emas bersamaan dengan 200 dirham nisab perak). Bagi nisab binatang, harta kambing ialah 5 dirham seekor, jadi 40 ekor bernilai 200 dirham dan 5 ekor unta (nisab unta) bersamaan dengan 200 dirham.

Bagi nisab biji-bijian telah ditetapkan dengan ausuk iaitu bekalan makanan muatan unta yang mencukupi bagi satu kelaurga kecil selama setahun. Nisabnya telah ditetapkan sebanyak 5 ausuk (kira-kira 1122.74kg.) Kita lihat penggunaan makanan bagi seorang biasa lebih kurang satu 'Mudd' (kira-kira 933.12 gram) sehari. Jadi 5 ausuk akan mencukupi untuk satu keluarga 3 orang (suami, isteri dan seorang anak atau seorang pembantu rumah) untuk setahun dengan ada lebihan sedikit.

Begitu juga nisab wang telah ditetapkan pada 200 dirham yang pada masa itu dapat membeli kira-kira 5 ausuk bekalan makanan pada harga yang sederhana. Bagi binatang pula, harga seekor unta adalah sama dengan 8,10 atau 12 ekor kambing. Jadi 5 ekor unta nilainya kira-kira 40 ekor kambing yang sama dengan 200 dirham.

Dengan berlalunya masa, nisbah ini telah mengalami perubahan. Walaupun harga emas agak stabil nilainya, harga perak telah berubah dengan banyak. Begitu juga nisab binatang dan hasil pertanian telah berubah. Jadi kalau kita tetap berpegang dengan peraturan zakat dahulu kita akan menghadapi beberapa anomali. Misalnya seorang yang mempunyai 60 rial saudi (bersamaan 200 dirham) atau \$42.00 Malaysia akan kena bayar zakat, sementara orang yang mempunyai 20 ekor lembu yang bernilai \$18000 Malaysia tidak kena membayar zakat kerana tidak cukup nisab.

Peladang-peladang yang kebanyakannya miskin dan bergantung semata-mata kepada tanamannya untuk kehidupannya terpaksa membayar zakat setiap musim sementara mereka yang makan gaji yang pendapatan bulannya lebih tinggi terkecuali daripada membayar zakat.

Telah dinyatakan terdahulu bahawa setengah prinsip-prinsip zakat telah mengalami perubahan sejak zaman Khalifah Abu Bakar lagi. Ini dibuat untuk menyesuaikan institusi zakat dengan keadaan yang berubah-ubah. Adalah menjadi tanggungjawab orang Islam sekarang untuk melihat institusi zakat supaya dapat berfungsi sebagaimana tujuan asal untuk membela nasib kaum faqir dan miskin.

Penetapan nisab zakat bukanlah dibuat secara sewenang-wenangnya di masa dahulu. Dari itu penetapan nisab sekarang mestilah berdasarkan kepada semangat untuk memenuhi tujuan membela faqir dan miskin. Kalau dulu nisab ditetapkan untuk memenuhi keperluan asas di masa itu, nisab pada hari ini mestilah ditentukan dengan cara yang sama iaitu supaya ia dapat memenuhi keperluan asas minimum yang standad dalam bentuk barang dan perkhidmatan. Dari itu penyelarasannya mesti dibuat kepada nisab zakat. Ini perlu kerana penentuan nisab zakat adalah menjadi garis penentu antara miskin dan kaya, dan zakat adalah dipungut daripada orang kaya dan dikembalikan kepada orang miskin.

Walaupun umat Islam yang terdahulu memainkan peranannya di dalam soal penentuan zakat ini, pendapat mereka mungkin sesuai atau mungkin tidak dengan zaman kita sekarang. Jadi terpulang kepada kita terutama ulama'-ulama' untuk melihat semula kesesuaian undang-undang zakat untuk zaman sekarang dan seterusnya membuat ijтиhad.

Di dalam soal ini seorang ahli fikir Islam pernah berkata:-

"Perhaps it is appropriate to remind ourselves that Islam is a universal religion and a way of life, which is meant for all ages. Clinging to the seventh century and trying to do what the Khulafa' al-Rashidin supposedly did, will not solve the problem that exist in the twentieth century. The principles laid down by the shari'ah are simple and they are general in nature, and, as such, they can be applied in today's world without much difficulty."

Pembahagian Zakat

Zakat hendaklah dibahagikan kepada 8 asnaf yang tersebut di dalam ayat 9.60 iaitu:

"Zakat adalah untuk orang-orang fakir dan miskin dan amil dan mu'alaf dan hamba dan bagi orang berhutang dan pada jalan Allah dan ibn sabil. Penerima zakat ini boleh dibahagikan kepada 3 kategori iaitu mereka yang memerlukan yang terdiri daripada faqir dan miskin, orang yang berhutang, pengembara-pengembara dan hamba. Kedua, untuk tujuan pertahanan dan dakwah islamiah termasuk pada jalan Allah, dan mu'alaf dan akhirnya untuk pengurus zakat yang termasuk 'amil-'amil zakat. Dari sini kita dapat lihat kebanyakan peruntukan zakat adalah untuk memenuhi keperluan".

Jikalau kita lihat dari ayat 9.60, zakat mestilah dibahagikan dengan cara yang tertentu. Perkataan "Innama" pada awal ayat 9.60 dinamakan "adat Hasr" yang bererti zakat mestilah dibahagi hanya kepada 8 bahagian penerima sahaja. Dari itu adalah tidak kena kalau zakat digunakan untuk pembangunan ekonomi sedangkan keperluan faqir dan miskin belum dipenuhi. selain daripada itu di dalam ayat 9.60, penambahan (li) "bagi" yang digunakan bagi perkataan faqir miskin, 'amil-'amil dan mu'alaf adalah bermaksud "Lam al-Tamlīk" - (perpindahan hak). Ini menunjukkan bahawa zakat mestilah diberikan langsung kepada mereka di dalam kategori ini samada dalam bentuk wang atau benda. Ini memberikan implikasi penting dalam usaha pembasmian kemiskinan. Kaedah ini bertentangan dengan teori ekonomi pembangunan yang menekankan kepada pertumbuhan ekonomi yang cepat dan proses "menitis ke bawah" untuk pembasmian kemiskinan. Teori pembangunan ini telah banyak dikritik dan didapati banyak kelebihannya, di antaranya ialah proses menitis ke bawah biasanya jarang berlaku kerana banyak terdapat gangguan-gangguan kepada proses ini yang mengakibatkan golongan miskin tinggal terbiar. Pembahagian zakat

yang secara terus kepada penerima akan mengelakkan gangguan oleh proses pasaran dan yang demikian agihan akan menjadi minimum.

Aspek lain dalam pembahagian zakat ialah zakat mestilah dibahagikan di tempat di mana ianya dipungut. Kalau ada lebihnya baharulah ia boleh dibawa ke kawasan lain. Ini kerana matlamat utama zakat adalah untuk menyelesaikan masalah setempat.

Jumlah zakat yang harus diberikan kepada faqir dan miskin juga menjadi isu penting. Zakat diberikan adalah untuk membaiki kedudukan orang miskin bukan hanya untuk menggula-gulakan mereka sahaja. Rasulullah telah bersabda:

"Seorang miskin bukanlah yang pergi meminta kepada orang dan yang boleh di halau dengan secebis dua roti atau sebiji dua tamar. Seorang miskin yang sebenar ialah yang tidak mempunyai kecukupan untuk keperluannya, tidak menunjukkan kemiskinannya supaya ia diberi zakat dan tidak meminta-minta."

Ulama'-ulama' fiqh tidak sepandapat tentang berapa banyakkah zakat perlu diberi kepada faqir dan miskin. Al-Shafi'e berpendapat supaya orang miskin diberi daripada zakat jumlah yang cukup untuk sepanjang hayatnya sedangkan Imam Malik dan Ahmad bin Hanbal berpendapat supaya diberikan sejumlah yang cukup untuk setahun. "Al-Qaradhwai" di dalam mengulas pendapat-pendapat mereka berkata, orang miskin boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu mereka yang mempunyai kemahiran dan kuat bekerja tetapi kerana kurang peralatan atau kerana tiada peluang pekerjaan telah menjadi miskin. Golongan ini perlu dibantu dengan wang zakat sehingga sepanjang hayatnya bukan di dalam bentuk wang tetapi di dalam bentuk peralatan yang membolehkannya berdikari. Golongan kedua adalah mereka yang cacat, buta, sakit dan terlalu tua yang telah tidak mampu bekerja lagi. Negara perlu memberi bantuan keperluan asas dari wang zakat setiap tahun.

Aspek lain tentang agihan ini adalah zakat mestilah ditadbir oleh negara. Kemasukan 'amil sebagai satu asnaf di dalam ayat 9.60 menjadi dalilnya. Di zaman Rasulullah dan sahabat, negara telah menghantar beberapa 'amil ke kawasan-kawasan tertentu untuk memungut dan mengagihkan zakat. Kalau ada lebihan , zakat akan dihantar ke pusat dan dikumpulkan di 'Bait al-mal' untuk kepentingan umat Islam keseluruhannya.

Bagaimana zakat memainkan peranan menghapuskan kemiskinan dalam masyarakat boleh ditinjau dari satu hadith. Telah dilaporkan bahawa di masa Umar Al-Khattab, Muadz bin Jabal telah diwakilkan memungut zakat di Yaman. Pada tahun pertama Muadz membawa balik 1/3 pungutan ke Madinah kerana ia melebihi keperluan orang ramai di kawasan itu. Pada tahun kedua ia membawa balik 1/2 dan pada tahun ketiga semua zakat yang dipungut telah diisyiharkan sebagai lebihan dan dibawa ke Madinah.[44] Riwayat ini menunjukkan bahawa taraf hidup orang ramai telah meningkat dengan pesat. Perubahan ini boleh dinyatakan demikian. Pertama apabila kekayaan dan pendapatan telah diagihkan

lebih setara, tingkat kemakmuran juga makin merata. Ini akan menamba h jumlah mereka yang mengeluarkan zakat. Kedua, jumlah orang miskin menjadi semakin kecil kerana dapat bantuan daripada wang zakat tadi.

Kesimpulannya, walaupun tidak ada bukti jelas bahawa kemiskinan telah dapat dihapuskan secara umum tetapi pada peringkat tempatan keadaan ini telah berlaku. Tetapi, keberkesanan zakat sebagai sebuah institusi sosial menghapuskan zakat belum dapat dibuktikan pada masa ini. Ini tidak bermakna institusi zakat tidak berkesan tetapi kerana pelaksanaan zakat di dalam satu sistem yang bukan sepenuhnya Islam telah menjadikannya kurang berkesan. Tambahan pula zakat tidak dilaksanakan sesuai dengan perkembangan zaman dan sebagaimana yang telah dibincangkan sebelumnya.

Bait al-Mal

Bait al-Mal telah ditubuhkan pada permulaan Islam sebagai satu tempat menyimpan hasil mahsul yang dipungut oleh negara Islam. Hasil-hasil tersebut terdiri dari zakat, khums dari harta rampasan perang, galian-galian dan harta qarun, cukai tanah, jizyah, harta-harta peninggalan si mati yang tidak warith, harta-harta yang hilang dan lain cukai yang dipungut oleh negara.

Hubungan bait al-mal dengan usaha-usaha membasi kemiskinan ialah kerana boleh dikatakan semua jenis harta disimpan di bait al-mal itu ada hak faqir dan miskin di dalamnya. Di zaman Rasulullah dan para sahabat, hasil-hasil bait al-mal ini telah dipergunakan dengan berkesan terutama bagi membantu golongan miskin. Rasulullah pernah bersabda bahawa baginda mengambil tanggungjawab sepenuhnya ke atas orang-orang miskin dan lain-lain orang yang kurang bernasib baik.

Saidina Umar pernah bersabda setiap orang Islam mempunyai hak ke atas kekayaan yang terdapat di bait al-mal walaupun pengembala di Aden. Perlu juga diingat bahawa warganegara yang bukan Islam juga mempunyai hak ke atas kekayaan tersebut. Banyak contoh daripada amalan Khalifah-khalifah terdahulu yang menunjukkan bahawa kafir zimmi yang miskin telah diberi layanan yang sama daripada wang 'bait al-mal'.

Hak-hak Orang Miskin Selain daripada Zakat

Rasulullah pernah bersabda bahawa terdapat hak orang miskin selain daripada zakat pada harta kekayaan.

yang bermaksud di dalam harta kamu ada hak selain daripada zakat: Perkataan hak di sini berbeza daripada hak yang terdapat di dalam ayat Qur'an 51:19:

Yang bererti "Di dalam harta mereka ada hak untuk orang yang meminta dan orang miskin."

Hak di dalam kontek yang kemudian bererti zakat, wajib sedangkan hak di dalam hadith terdahulu adalah lebih umum sifatnya dan tidak termasuk di dalam zakat. Hadith yang di atas telah disabdakan oleh Rasulullah bila baginda ditanya mengenai zakat dan baginda lantas membaca ayat Qur'an 2:177 yang

bermaksud: Bukanlah kebaikan bahawa kamu menghadapkan mukamu ke arah timur dan ke barat tetapi yang kebaikan itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah, hari yang kemudian, malaikat, kitab Allah dan kepada nabi-nabi sedang dia mendermakan harta yang dikasihinya kepada kaum kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, orang-orang musafir, orang-orang yang meminta-minta untuk memerdekaan hamba sahaya....

Dari sini jelaslah bahawa tuntutan ke atas harta orang Islam belum selesai dengan pembayaran zakat wajib. Infak adalah lebih daripada zakat dan ia merupakan kewajipan yang besar ke atas orang-orang Islam yang kaya. Tanpa Infak, seseorang Islam itu belum pasti akan mendapat keredhaan daripada tuhan. Hadith di atas juga menunjukkan bahawa sekiranya bait al-mal kekurangan wang, negara boleh mengenakan cukai ke atas orang kaya mengikut keperluan semasa yang termasuk peruntukan bagi orang miskin.

Bagaimana peraturan ini dapat diamalkan di dalam masyarakat boleh dilihat dari prinsip-prinsip bermasyarakat di dalam Islam. Islam memandang masyarakat Islam terdiri daripada individu muslim yang seumpama satu bangunan yang saling menyokong antara satu sama lain. Kalau satu daripada unsur-unsur itu lemah, ia akan dirasai oleh yang lainnya. Tambahan pula orang Islam dianggap bersaudara yang tidak boleh dikhianati dan dibiarkan. Rangkaian masyarakat seumpama ini memainkan peranan penting di dalam merapatkan setiakawan di dalam masyarakat Islam. Dari sini kita akan lihat semangat saling bertanggungjawab dan bekerjasama akan sentiasa wujud di dalam masyarakat dan adalah tidak mungkin orang-orang miskin tidak akan dapat pembelaan.

Di dalam Islam juga, orang-orang Islam adalah bertanggungjawab, baik secara perseorangan atau bersama terhadap keadaan orang-orang faqir dan miskin di dalam masyarakat. Rasulullah pernah bersabda, "Tidak sempurna iman seseorang itu kalau ia membiarkan jirannya kelaparan sedangkan ia tahu dan mampu memberi pertolongan".

Di dalam hal ini Ibn Hazm (M. 546 AH) berpendapat adalah menjadi kewajipan orang-orang kaya untuk membantu orang miskin dan memberikan mereka keperluan-keperluan asas, makanan yang cukup untuk kesihatan mereka, pakaian yang patut, perlindungan daripada panas, sejuk dan hujan.

Cara-cara lain untuk Membasmi Kemiskinan

Selain daripada cara-cara yang disebutkan di atas, ada berbagai-bagai cara lagi di mana Islam menangani masalah kemiskinan di dalam masyarakat. Cara yang tidak langsung ini termasuk melalui ibadat, hukuman-hukuman dan kifarah, dan saling membantu dan bekerjasama. Bagaimanapun cara ini lebih merupakan kegiatan sosio-moral yang membantu meringankan masyarakat daripada kesusahan hidup sehari-hari dan bertindak sebagai insuran sosial kepada masyarakat.

Pertama, di dalam Islam terdapat beberapa jenis ibadat yang menunjukkan kebaikan dan sedekah kepada orang miskin misalnya semasa menyambut Hari Raya Adha orang Islam disunatkan berqurban menyembelih binatang-binatang ternakan dan dagingnya disedekahkan kepada orang miskin.

Ini mengajar umat Islam bahawa semasa mereka bersukaria, mereka tidak melupakan golongan mereka yang kurang bernasib baik dalam masyarakat. Begitu juga disunatkan bagi mereka yang beroleh anak baru membuat aqiqah dengan menyembelih seekor kambing bagi anak perempuan dan 2 ekor bagi anak lelaki dan dagingnya disedekahkan kepada faqir miskin.

Orang Islam juga digalakkan membuat wasiat untuk membelanjakan kekayaannya untuk tujuan kebajikan. Wasiat ini mesti dibuat kepada orang yang bukan waris dan tidak melebihi 1/3. Islam juga menggalakkan penganutnya supaya mengekalkan punca sedekah yang berkekalan dengan cara mewaqafkan harta untuk kepentingan orang-orang sakit, orang miskin, pengembara dan lain-lain orang yang memerlukan.

Perlu diingatkan bahawa institusi waqaf memainkan peranan penting di dalam masyarakat Islam terutama di dalam usaha-usaha membantu golongan miskin, anak-anak yatim, pengembara dan mereka yang kurang bernasib baik. Waqaf menjadi sebuah institusi jaminan sosial yang ditubuhkan secara sukarela berdasarkan ugama.

Kedua: Islam mengenakan kifarat ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan di dalam ugama dengan memberi makan orang miskin. Misalnya kifarat sumpah, kifarat jima' siang hari di bulan Ramadhan, dam ibadat Haji dan Umrah, kifarat zihar, diah membunuh tanpa sengaja dan sebagainya. Walaupun ini bukanlah dimaksudkan secara langsung untuk membasi kemiskinan, ia masih boleh dipandang sebagai perhatian berat Islam terhadap usaha-usaha pembasmian kemiskinan. Islam menggunakan hukuman kesalahan dengan cara yang paling praktikal. Denda-denda dibayar bukan dalam bentuk wang yang dibayar kepada mahkamah yang akan mengkayakan negara tetapi al-Qur'an telah menentukan hukuman tertentu untuk faedah kemanusiaan misalnya membebaskan hamba abdi, memberi makan orang miskin. Dengan cara ini ia dapat menghapuskan penyakit-penyakit sosial.

Ketiga: Di dalam hidup hari-hari, Islam menggalakkan supaya kita saling tolong menolong dan bantu membantu dan bekerjasama satu sama lain. Di dalam Islam terdapat satu jalinan undang-undang moral yang lebih tertumpu kepada hal-hal kemanusiaan. Undang-undang ini bertujuan memastikan bahawa tiada sesiapa akan menjadi mangsa keadaan tanpa dapat pembelaan dari yang lain dalam masyarakat. Kadang-kadang seseorang itu tiba-tiba sahaja menjadi miskin kerana ditimpa kemalangan dan memerlukan bantuan segera untuk memulihkan keadaannya. Sistem ini merupakan jaminan sosial yang membantu individu yang ditimpa kesusaahan dan kepapaan. Al-Siba'i telah mengumpulkan beberapa undang-undang yang berkaitan dengan isu ini. Di antaranya undang-undang saling bantu membantu (al-Musa'adah). Di dalam prinsip ini, seseorang yang berhutang berhak mendapat pertolongan daripada masyarakat dan seorang yang didapati bersalah kerana membunuh tanpa sengaja (tersalah) dikenakan membayar diat yang boleh diminta daripada keluarganya dan orang musafir yang terlantar di tempat orang berhak mendapat bantuan daripada masyarakat walaupun ianya kaya.

Di bawah prinsip keraian "Al-Dhiafah" seorang muslim betanggungjawab menerima dan melayani dengan baik tetamu yang datang ke rumahnya selama 3 hari. Di bawah prinsip saling berkongsi "al-masyarakat" pula, orang-orang miskin atau warganegara yang tidak mampu membeli makanan kerana inflasi, ada hak mendapat makanan secara percuma. Selain dari itu di dalam hal membahagi pusaka, Tuhan berfirman 4:8 :

"Apabila datang waktu membahagi pusaka, karib-karib yang tiada mendapat bahagian, begitu juga anak-anak yatim dan orang-orang faqir berilah mereka itu sekadarnya dan katakanlah kepada mereka perkataan yang baik".

Al-Qurtubi di dalam mentafsirkan ayat ini berkata:

"Allah telah menjelaskan di dalam ayat ini bahawa mereka yang tidak berhak mendapat pusaka samada saudara mara, orang-orang faqir atau miskin tetapi hadir sewaktu membahagi pusaka dijalankan, mestilah diraikan dan jangan dikecewakan (diberi sedikit habuan). Tetapi kalau harta pusaka itu berbentuk hartanah atau terlalu sedikit, mintalah maaf kepada mereka."

Prinsip lain yang tujuannya sama ialah prinsip bantuan "al-Ma'un". Di dalam prinsip ini seorang muslim adalah digalakkan untuk meminjamkan barang-barang keperluan kecil kepada jirannya. Tindakan serupa ini sangat penting di dalam hidup bermasyarakat kerana bukan sahaja ia dapat memperkuatkan hubungan berjiran tetapi juga mengurangkan belanja hidup dalam ertikata kita tidak perlu membeli dan mempunyai semua alatan-alatan yang diperlukan.

Di bawah prinsip kemurnian (al-a'faf) saudara mara yang kaya dikehendaki membantu keluarganya yang miskin berkahwin dengan membayar perbelanjaan perkahwinannya dan perbelanjaan makan, minum dan tempat tinggalnya. Begitu juga seorang anak lelaki yang kaya bertanggungjawab membantu bapanya yang miskin berkahwin dan membayar semua perbelanjaan termasuk perbelanjaan isteri bapanya.

Di bawah prinsip pertolongan cemas (al-Is'af) seorang yang sedang sakit kerana lapar dan dahaga mesti diberi pertolongan terutama oleh orang yang mengetahui keadaannya dan berkemampuan berbuat demikian. Kalau orang yang berkemampuan itu enggan berbuat demikian, syariat membenarkan orang yang mengalami kesusahan itu memaksa si kaya menolongnya. Kalau di dalam proses ini si miskin terbunuh, hukuman akan terkena kepada si kaya, dan kalau si kaya terbunuh, si miskin tidak boleh dipersalahkan. Walaupun peraturan ini agak keterlaluan tetapi bukanlah bererti syariat membenarkan seseorang muslim bertindak tanpa undang-undang. Kalau masyarakat mengikut peraturan syariat sepenuhnya dan negara ditadbir mengikut lunas-lunas Islam, keadaan ini tidak mungkin timbul. Bagaimanapun peraturan pertolongan cemas ini akan mendahului peraturan-peraturan lain di bawah keadaan-keadaan tertentu

sebagaimana di dalam kaedah usul Fiqh yang menyatakan darurat itu boleh membatalkan tegahan.

Adanya peraturan seumpama ini sudah tentu akan menimbulkan perasaan saling faham memahami dan saling bekerjasama di dalam kehidupan dan seterusnya dapat mengurangkan tekanan kemiskinan.

Prinsip yang lebih umum sifatnya terdapat di dalam undang-undang darurat. Undang-undang itu mengatakan kalau negara diancam musuh sedangkan bait al-mal tidak cukup wang untuk perbelanjaan pertahanan, negara boleh memaksa orang ramai untuk membuat sumbangan. Undang-undang darurat ini juga boleh dipakai sewaktu negara mengalami bencana banjir, gempa bumi, kelaparan dan sebagainya.

KESIMPULAN

Kaedah-kaedah pembasmian kemiskinan yang dicadangkan di dalam kertaskerja ini bukanlah merupakan rancangan atau strategi sebagaimana yang difahami di dalam teori pembangunan moden, ia lebih merupakan hukum-hukum dan peraturan-peraturan yang terdapat di dalam Islam samada sebagai hukum-hukum di dalam syariat atau sebagai sebahagian daripada ajaran-ajaran moral di dalam Islam. Ia tidak boleh dianggap sebagai program yang berasingan dengan erti kata ia boleh berfungsi tanpa Islam atau sebaliknya. Keberkesanan kaedah ini bergantung kepada pelaksanaan Islam sepenuhnya. Pelaksanaan kaedah ini secara berasingan tidak akan membawa hasil yang maksimum.

Tindakan utama membasmi kemiskinan ialah berusaha keras untuk menyara hidup masing-masing. Kemahiran bekerja ini mestilah disertai dengan ujudnya peluang-peluang bekerja dan ganjaran-ganjaran yang setimpal. Kalau tidak ia akan membawa kepada bentuk-bentuk penindasan terhadap golongan pekerja. Kerja-kerja mestilah sesuai dengan kemahiran dan kelayakan pekerja dan pendapatannya mestilah setimpal. Keadaan masyarakat dan alam sekeliling juga mesti kondusif dengan kehidupan yang baik dan murni. sistem ekonomi yang memeras dan penuh dengan amalan-amalan riba' akan membantutkah usaha-usaha pembasmian kemiskinan ini.

Keberkesanan hukum-hukum nafqah di dalam Islam meredakan kemiskinan bergantung kepada keutuhan institusi keluarga sebagai satu unit sosial dan unit ekonomi. Di dalam satu masyarakat di mana institusi keluarga tidak utuh lagi, undang-undang nafqah tidak akan memberi apa-apa erti.

Sifat dermawan dan murah hati merupakan sifat unggul orang Islam. Setiap orang Islam digalakkan untuk mendermakan lebihan kekayaan kepada orang miskin dan untuk kebaikan masyarakat keseluruhan. Perintah-perintah ini terkandung di dalam kewajipan berzakat dan galakan bersedekah. Peranan institusi zakat adalah terlalu penting. Keberkesanannya meredakan kemiskinan di dalam masyarakat telah terbukti di waktu dahulu. Sekarang institusi-zakat belum dapat memainkan peranannya yang sebenar. Ini terjadi kerana beberapa sebab diantaranya undang-undang negara orang Islam bukanlah undang-undang Islam

atau undang-undang syari'ah sepenuhnya, jadi pelaksanaan pungutan dan pengajihan zakat tidak dapat dibuat betul-betul mengikut prinsip Islam. Kedua, kalau diandaikan terdapat negara Islam yang mengamalkan undang-undang syari'ah, masih ada masalah dari segi pelaksanaan zakat sebagai institusi sosial. Di antaranya masalah menyelaraskan zakat dengan kedudukan moden hari ini. Di dalam hal ini banyak ijтиhad perlu dibuat. Di dalam usaha ini semangat dan objektif syari'ah mestilah diberi penekanan dan bukan kepada hukum hakam haram dan halal yang rigid sahaja. Objektif institusi zakat bukanlah sebagai satu ritual sahaja tetapi ;lebih merupakan institusi yang dapat membela dan menangani masalah sosial seperti kemiskinan dan sebagainya.

Bait al-mal juga memainkan peranan penting dalam usaha menghapuskan kemiskinan. Sebagai tempat simpanan harta orang Islam, bait al-mal diamanahkan untuk mentadbir dan menguruskan harta-harta tersebut dengan betul terutama bagi tujuan membantu golongan termiskin.

Pada akhirnya di dalam Islam banyak terdapat prinsip-prinsip moral yang boleh membantu meredakan kesusahan di kalangan masyarakat. Prinsip utamanya ialah persaudaraan di dalam Islam yang meminta supaya setiap warga masyarakat memastikan warga lainnya hidup sama makmur berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah.

RUJUKAN

- Abu Ubayd, al-Qasim ibn Salam. Kitab al-Amwal. Cairo: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra. 1934.
- Anas, Malik ibn al-Mudawwanah al Kubra, 6 Vols. Baghdad: Maktabah al-Muthanna, 1970.
- Al-Baladhuri, ahmad ibn Yahya. Futuh al-Buldan. Beirut: Dar al-Nashr di al-Jami'iyyin 1958.
- Bellamy, James, A. Social Contast in Islam as seen in Muslim Literature. (Ph.D. Dissertation). University of Pennsylvania. 1956.
- Drewowski, J. The Definition and Measurement of Poverty. The Hague: Institute of Social Studies. 1976.
- Gillin, John, Lewis. Poverty and Dependency. New York: century 1926.
- Al-Jaziri, Abd. al Rahman. Kitab al-Fiqh ala al-Madhab al-Arba'ah. 4 vols. Egypt: al-Matbaah al-Tijariyyah al-Kubra. n.d.
- Muhammad, Abdul Aziz. Zakat and Rural Development in Malaysia. An Ethnical analysis of the Concept of Growth and Redistribution if income in Islam and their Practices in a Contemporary Muslim Society. (Ph.D - Dissertation) Temple University, Dept. of Religion. 1786.
- Nu'mani, Sibli. Umar the Great. English Translation by Muhammad Saleem. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf 1981.
- Oster, Sharon, M.Lake, Elizabeth E. and Oksman, Conchita Gene. The Definition of Development with Special Reference to Malaysia Five Year Plans. (Ph.D. Dissertation). Temple University, 1988.
- Perlman, Richard. The Economic of Poverty. New York: Mc. Graw Hill 1976.
- Al-Qaradawi, Yusuf. Fiqh al-Zakat, 2 vols. Beirut: Dar al-Irshad, 1969.

- Raquibuz Zaman, M. (ed). Some Aspects of the Economics of Zakah. Plainfield: Indiana, AMSS 1980.
- Shah Wali allah, Ahmad ibn Abd. al-Rahim. Hujjat Allah al-Balighah. Cairo: Dar al-Turath, 1935.
- Siddiqi, M.N., "Some Notes on Teaching Economics in Islam Perspective: Public Finance". Center for Research in Islam Economic. King Abdul Aziz University, Jeddah, Saudi Arabia, 1986 (Unpublished)
- Siddiqi, M.N., "Guarantee of a Minimum level of Living in an Islam State.... Basis in the Shari'ah: Rationale and Contemporary Implicatives." Islamabad, 1983. (Unpublished).
- Taib, Nasseri. Islam and Eradication of Poverty: An Ethical Dimension of Development with Special Reference to Malaysia Five Year Plans. (Ph.D. Dissertation). Temple University, 1988.
- Ibn-Taymiyyah, Ahmad ibn. Abd. al-Halim. Majmu' Fataawa. Beirut Dar al-'Arabiyyah al-Tibaah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 1937. A.H.